

RUPA BENTUK LESEN PERNIAGAAN PENGANTARAAN


 SURUHANJAYA
 PENGANGKUTAN AWAM DARAT
 LAND PUBLIC TRANSPORT
 COMMISSION



LESEN PERNIAGAAN PENGANTARAAN

Adalah dengan ini diperakukan bahawa pemegang lesen yang dinyatakan di bawah ini telah dilisensikan mengikut Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Lesen ini tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat seperti dilampirkan.

| | |
|--|---|
| Nombor Lesen Perniagaan Pengantaraan | : 8781236-M (TE) |
| Nama Pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan | : RMA GLOBAL SDN BHD |
| Nama Aplikasi | : OURBUDS APPS |
| Alamat Berdaftar | : BLOCK D, PLATINUM SENTRAL, JALAN STESEN SENTRAL 2, KUALA LUMPUR SENTRAL, 50470 KUALA LUMPUR |

Tempoh Kkuatkuasa Lesen: 12.07.2019 hingga 11.7.2020

- Pembaharuan ini hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 90 hari sebelum tamat tempoh.


 b.p. KETUA PENGARAH
 Bertarikh : 12.07.2019

No.: E









1. LPP akan diserahkan kepada pemegang lesen setelah permohonan diluluskan oleh Ketua Pengarah APAD.
2. Pemegang lesen turut akan menerima syarat lesen yang akan memaklumkan syarat-syarat yang terpakai kepada perkhidmatan mereka.
3. Setelah menerima LPP, pemegang lesen dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut:
 - a. Mendaftarkan maklumat kenderaan ke Unit Teksi dan *E-Hailing* APAD dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengambilan LPP;
 - b. Memastikan pemilik yang mempunyai kenderaan berusia tiga (3) tahun dan ke atas membuat pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM;
 - c. Memastikan pemilik kenderaan persendirian membuat permohonan tukar kod kegunaan Lesen Kenderaan Motor kepada kenderaan persendirian *E-Hailing* di Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri seluruh Semenanjung Malaysia;
 - d. Memastikan pemilik kenderaan kelas lesen Teksi, Kereta Sewa dan Teksi Mewah membuat pengisytiharan menjalankan perkhidmatan *E-Hailing* di Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri seluruh Semenanjung Malaysia; dan
 - e. Mendaftarkan maklumat pemandu ke Unit Teksi dan *E-Hailing* APAD.

RUPA BENTUK PERMIT KENDERAAN E-HAILING

| | |
|---|---|
|  | PERMIT KENDERAAN E-HAILING AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY |
| Nama pemegang lesen | : RMA GLOBAL SDN BHD |
| No daftar syarikat | : 8781236-M |
| Nama pemilik kenderaan | : AHMAD BIN ISMAIL |
| No pendaftaran kenderaan | : VAA123 |
| No casis | : PL1FZ6ERREF127125 |
| Muatan tempat duduk | : 5 |
| Jenis kenderaan | : KENDERAAN PERSENDIRIAN |
| No rujukan permit (Induk) | : TE-VAA123 |
| No rujukan permit (Sub) | : RM000001 |
| Tarikh mula permit | : 12 JULAI 2019 |
| Tarikh sahlaku permit | : 11 JULAI 2020 |

1. Permit kenderaan *e-hailing* merupakan lesen kepada kenderaan.
2. Permit kenderaan boleh didaftarkan dengan kenderaan lain sekiranya kenderaan asal tidak lagi beroperasi.
3. Hanya dua (2) pemandu sahaja dibenarkan untuk didaftarkan bagi satu (1) kenderaan.
4. Dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh penerimaan LPP, pemegang lesen dikehendaki untuk menghantar senarai kenderaan kepada APAD bagi pemprosesan nombor permit kenderaan *e-hailing* dan tempoh sahlaku permit tersebut.
5. Nombor permit kenderaan *e-hailing* dan tempoh sahlaku permit akan dikeluarkan dalam tempoh lima (5) hari bekerja kepada pemegang lesen.
6. Unit Teksi dan *E-hailing* APAD akan memberikan templat senarai maklumat yang diperlukan dan rupa bentuk permit kenderaan *e-hailing* kepada pemegang lesen sebagai rujukan.
7. Setiap pemegang lesen dikehendaki untuk memuat naik permit kenderaan *e-hailing* pada aplikasi pemandu ataupun sebagai langkah sementara, dikehendaki untuk mencetak dan menyerahkan dokumen ini kepada pemandu.
8. Permit ini diperlukan semasa beroperasi, semasa pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM dan semasa proses tukar kod kegunaan Lesen Kenderaan Motor (*roadtax*).

9. Templat senarai maklumat yang diperlukan daripada pemegang lesen menghendaki maklumat-maklumat berikut:

| Bil | Maklumat diperlukan | Ketetapan format |
|-------|---------------------------|--|
| i. | Nama | Nama pemilik kenderaan (huruf besar) |
| ii. | No Kad Pengenalan | Nombor kad pengenalan pemilik (tanpa "-") |
| iii. | No Telefon | Nombor telefon pemilik (tanpa "-") |
| iv. | No Daftar Syarikat | Nombor daftar syarikat e-hailing. Contoh: SA0271348-D |
| v. | No Rujukan Permit (Induk) | Untuk diisi oleh APAD |
| vi. | No Rujukan Permit (Sub) | Untuk diisi oleh APAD |
| vii. | Tarikh Mula Permit | Berdasarkan tarikh mula LPP. Contoh: 12/7/2019 |
| viii. | Tarikh Sahlaku Permit | Berdasarkan tarikh tamat LPP. Contoh: 11/7/2020 |
| ix. | No Pendaftaran | No kenderaan (tanpa jarak). Contoh: VAA123 |
| x. | No Casis | Berdasarkan voc/ geran kenderaan |
| xi. | Jenis Kenderaan | Kenderaan persendirian atau teksi |
| xii. | Muatan Tempat Duduk | Berdasarkan model kenderaan |